

1. MAKLUMAT PROGRAM

LATAR BELAKANG

- a. Penganjuran program-program bertujuan untuk memberikan pendedahan dan impak terhadap pelajar-pelajar berkaitan aspek sosial, budaya, ekonomi, industri, pendidikan kepimpinan, pengetahuan, pembangunan sahsiah, ‘soft skills’, jaringan sosial dan dimensi baru secara global.
- b. Pendedahan dan penyertaan aktiviti bersama pelajar peringkat menengah di luar negara akan lebih membuat mereka lebih peka dan berpengetahuan seiring dengan perkembangan ilmu dan teknologi semasa. Penglibatan masyarakat tempatan di dalam program sebegini akan memberi input dan dimensi baru kepada mereka.
- c. Pelaksanaan program akan melibatkan penyertaan pelajar-pelajar sekolah menengah Kebangsaan (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6), Sekolah berasrama penuh, Sekolah Swasta dan Sekolah Antarabangsa

OBJEKTIF

Antara objektif dan pengalaman yang diperolehi dari program ini ialah:

- i. Mengenali dengan lebih dekat negara yang dilawati dan penduduknya ;
- ii. Memberi pendedahan secara langsung dan praktikal berkaitan aspek sosial, budaya, ekonomi, industri, pendidikan dan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa ;
- iii. Memberi peluang kepada pelajar-pelajar mendekati dan berinteraksi dengan masyarakat luar negara ;
- iv. Mencetuskan cara berfikiran peringkat tinggi (High Order Thinking Skill) dalam menjalin aktiviti-aktiviti kokurikulum ;
- v. Memupuk perpaduan antara pelbagai budaya dan membina rangkaian persahabatan sejagat;
- vi. Penganjuran program ini kelak akan menjadi pencetus kepada lebih banyak penganjuran program / aktiviti seumpamanya yang melibatkan pelajar Malaysia dan pelajar dari luar negara.
- vii. Jalinan pendidikan di antara pelajar dan institusi pengajian tinggi tempatan.
- viii. Menyambut Aspirasi Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohammad melalui dasar pandang ke timur yang memfokuskan rakyat negara ini mempelajari, menghayati dan mempraktikkan budaya masyarakat Jepun.

PROGRAM – PROGRAM YANG DI RANCANG OLEH KELAB ANTARABANGSA HIROSHIMA PADA TAHUN 2024/2025

Kelab Antarabangsa Hiroshima KL dengan kelulusan dan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Kesenian & Kokurikulum) akan menganjurkan program antarabangsa ke Jepun, Korea, Australia, United Kingdom, Eropah pada cuti-cuti persekolahan tahun 2024/2025. Berikut adalah butir-butir program tersebut:

Bil	Nama Program	Tarikh Program	Tarikh Tutup Permohonan	Yuran	Peserta	Kuota
1	JEPUN SIRI 60	JAN 2025	1 SEPT 2024	RM 7,500.00 *	Tingkatan 1,2,3,4,5,6	60
2	JEPUN SIRI 61	FEB 2025	1 SEPT 2024	RM 7,500.00 *	Tingkatan 1,2,3,4,5,6	60
3	KOREA SIRI 20	JAN 2025	1 SEPT 2024	RM 8,500.00 *	Tingkatan 1,2,3,4	30
4	AUSTRALIA SIRI 19	FEB 2025	1 SEP 2024	RM 8,000.00 *	Tingkatan 1,2,3,4	30
5	LONDON SIRI 15	JAN-FEB 2025	1 SEPT 2024	RM 12,000.00 *	Tingkatan 1,2,3,4	30
6	EUROPE SIRI 1	JAN-FEB 2025	1 SEPT 2024	RM 13,000.00 *	Tingkatan 1,2,3,4	30

* Sila rujuk lampiran 2 (Kos Yuran untuk setiap Program).

2. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN - *Sila rujuk Lampiran 1.*

3. YURAN PENYERTAAN

Yuran penyertaan perlu ditanggung oleh ibubapa/penjaga dan perlu dibayar sepenuhnya mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan. Segala pembayaran perlu dibuat secara **ONLINE PAYMENT SAHAJA** kepada **KELAB ANTARABANGSA HIROSHIMA KUALA LUMPUR**. Maklumat akaun bank seperti berikut:

Bank : **MAYBANK**
Akaun no : **5648 9219 7664**

Jadual Pembayaran seperti berikut:

1	Bersama Borang Permohonan	RM 4,000.00
2	Tarikh yang akan dimaklumkan dalam surat tawaran	Baki Yuran

- Jika pelajar yang tidak terpilih, deposit sebanyak RM 4,000.00 akan dikembalikan.
- Kos pentadbiran sebanyak RM 1000.00 akan ditolak jika pelajar menarik diri atas apa jua sebab setelah borang permohonan diterima.
- Deposit RM 4,000.00 tidak akan dikembalikan jika peserta menarik diri dari program selepas menerima surat tawaran.

- Jika Peserta telah membayar keseluruhan yuran pendaftaran dan menarik diri kemudiannya, amanun pembayaran balik hanya akan dibuat setelah ditolak deposit yang telah dibayar oleh pihak urusetia program kepada pihak syarikat penerbangan, hotel, pengangkutan dan kos pentadbiran seperti di atas.
- **KOS INI TIDAK TERMASUK TIKET PENERBANGAN (AKAN DI MAKLUMKAN SETELAH MENDAPAT SURAT TAWARAN) DAN WANG SAKU.**

4. INSURAN

Pihak kami akan menyediakan insuran kemalangan/nyawa/COVID 19 yang akan melindungi peserta bermula pada tarikh berlepas di KLIA sehingga pulang di tempat yang sama. Insuran ini juga meliputi segala kos rawatan sebagai pesakit luar jika peserta mengalami sebarang masalah semasa program ini berjalan.

5. PENGISIAN DOKUMEN PEMERIKSAAN PERUBATAN

Peserta hendaklah mendapatkan perkhidmatan doktor yang bertauliah semasa mengisi dokumen ini. Pihak pengajur tidak bertanggung jawab jika maklumat yang diberikan adalah palsu dan penyertaan peserta akan dibatalkan serta-merta jika didapati memalsukan tahap kesihatan anda. Dokumen ini perlu diisi selepas mendapat surat tawaran dan diserahkan semasa pendaftaran kursus. Peserta PERLU mendapatkan 2 suntikan vaccine covid 19 dan perlu menyertakan sijil vaksinasi dari MySejahtera. Permohonan tidak akan di proses jika dokumen ini tidak di sertakan.

6. PERMOHONAN VISA

Pihak Kelab akan menguruskan permohonan visa semua peserta dan guru pengiring bagi negara-negara yang memerlukan visa. Pemohon dikehendaki menyediakan passport Antarabangsa yang masih sah (tarikh tamat tempoh wajib melebihi 6 bulan dari tarikh program) serta lain-lain dokumen yang akan dimaklumkan kemudian.

7. KURSUS PERSEDIAAN

Peserta dikehendaki menghadiri kursus persediaan sebelum program sebenar berlangsung. Kursus ini bertujuan untuk memberikan maklumat setiap program dengan lebih lengkap, latihan kebudayaan dan mempererat hubungan di antara peserta. Kursus ini akan diadakan pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan kemudian dan kehadiran peserta adalah **diwajibkan**. Kegagalan menghadiri kursus ini tanpa alasan yang kukuh akan menyebabkan penyertaan anda dibatalkan.

8. PENGIFTIRAFAN PROGRAM

Bagi penyertaan program luar negara (Jepun, Korea, UK, Australia, Europe), pelajar-pelajar akan diiktiraf dengan **sijil penyertaan peringkat antarabangsa** daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sijil ini boleh digunakan untuk pengiraan merit bagi markah penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum.

9. PROSEDUR PERMOHONAN

Pelajar yang berminat boleh mendapatkan borang permohonan dengan cara memuat-turun melalui laman www.hiroshimainternational.com. Permohonan mesti mengisi borang permohonan dengan lengkap dan hantar secara online di website kelab beserta dengan resit deposit. Pemohon yang menghantar awal borang permohonan akan diberikan keutamaan.

10. ATURCARA PROGRAM - *Sila rujuk lampiran 3.*

11. PEMILIHAN DAN PERLAKSANAAN PROGRAM

Proses pemilihan pelajar selepas syarat-syarat asas dipenuhi adalah atas dasar “**first come first serve**” berdasarkan quota setiap program. Pihak kelab tiada mengamalkan konsep “*reserved/booked*”. Perlaksanaan program akan hanya dijalankan, jika program mencapai jumlah peserta **minima iaitu 20 orang**.

12. PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai program ini tuan/puan dipersilakan menghubungi urusetia program seperti di bawah :

Pejabat	-	0122246431
En Fadzil Rabu	-	019-2060809 (Pengarah Program)
Pn Nooren Azis	-	03-8884 1002 (Bahagian Sukan, Kokurikulum & Kesenian, KPM)

**Kelab Antarabangsa Hiroshima Kuala Lumpur
UNIT B2-6-13,
BLOK B2, TINGKAT 6, SOLARIS DUTAMAS,
JALAN DUTAMAS 1,
50480 KUALA LUMPUR**

Website	-	http://www.hiroshimainternational.com
Email	-	info@hiroshimainternational.com
Facebook Group	-	https://www.facebook.com/groups/Hiroshima.international
Facebook Page	-	https://www.facebook.com/hiroshimainternationalclubkl

LAMPIRAN 1

Syarat wajib yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi pelajar yang ingin memohon untuk program ke luar negara adalah seperti berikut;

1. Penyertaan adalah terbuka kepada pelajar berumur 13 hingga 18 tahun.
2. Sihat tubuh badan dan tidak menghadapi apa-apa masalah kesihatan yang boleh mengganggu perjalanan program.
3. Mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa / penjaga.
4. Wajib mengikuti kursus penyesuaian diri / orientasi.
5. Membayar keseluruhan yuran penyertaan.
6. Tidak mempunyai rekod atau masalah disiplin.
7. Menjaga nama baik negara semasa program.
8. Mengikuti semua aktiviti yang telah dirancangkan .
9. Mengikuti program sehingga tamat. (Tamat bermaksud sehingga sampai kembali ke Malaysia)
10. Bersetuju dengan menandatangani seterusnya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan kesenian dan Kelab dari masa ke semasa.
11. Telah mendapat 2 suntikan Vaksin covid 19.

LAMPIRAN 2

Kos Bagi Program Jepun

Bil	Termasuk Dalam Pakej Homestay	Tidak Termasuk Dalam Pakej
1	Makan dan Minum sepanjang program	
2	Penginapan di Jepun	
3	Tiket masuk ke mana-mana tempat yang akan di lawati	1. Tiket penerbangan (Anggaran RM2,500-RM3,500) 2. Wang Saku Pelajar
4	Pengurusan dan Insurans	
5	Program semasa Homestay	
6	Kursus Orientasi	
7	Tabung Kelab Antarabangsa Hiroshima	

* *Senarai Syarikat penerbangan yang bakal di gunakan adalah*

1. *Malaysia Airline atau*
2. *Singapore Airline atau*
3. *Japan Airline atau*
4. *Mana-mana syarikat penerbangan yang dipilih oleh pihak urusetia.*

Kos Bagi Program Korea

Bil	Termasuk Dalam Pakej Homestay	Tidak Termasuk Dalam Pakej
1	Makan dan Minum sepanjang program	
2	Penginapan di Korea	1. Tiket penerbangan (Anggaran RM2,500-RM3,500) 2. Wang Saku Pelajar
3	Pengangkutan / Taman Tema	
4	Pengurusan dan Insurans	
5	Program semasa Homestay	
6	Kursus Orientasi	
7	Tabung Kelab Antarabangsa Hiroshima	

* *Senarai Syarikat penerbangan yang bakal di gunakan adalah*

1. *Malaysia Airline atau*
2. *Singapore Airline atau*
3. *Korean Airline atau*
4. *Mana-mana syarikat penerbangan yang dipilih oleh pihak urusetia.*

Kos Bagi Program Australia

Bil	Termasuk Dalam Pakej Homestay	Tidak Termasuk Dalam Pakej
1	Makan dan Minum sepanjang program (Sarapan Pagi/ T. Hari / Malam)	
2	Yuran Homestay dan penginapan	1. Tiket penerbangan (Anggaran RM4,500-RM5,500) 2. Wang Saku Pelajar
3	Kos Lawatan dan aktiviti harian di Australia	
4	Kos Program Pembelajaran Bahasa Inggeris	
5	Kos Membasuh Baju (<i>Laundry</i>)	
6	Pengurusan dan Insurans	
7	Kursus Orientasi	
8	Kos Pengangkutan dari/ke Brisbane International Airport	

* *Senarai Syarikat penerbangan yang bakal di gunakan adalah*

1. *Malaysia Airline atau*
2. *Singapore Airline atau*
3. *Qantas Airline atau*
4. *Mana-mana syarikat penerbangan yang dipilih oleh pihak urusetia*

Kos Bagi Program di United Kingdom (UK)

Bil	Termasuk Dalam Paket Homestay	Tidak Termasuk Dalam Paket
1	Makan dan Minum sepanjang program (Sarapan Pagi/ T. Hari / Malam)	
2	Yuran Homestay dan penginapan	1. Tiket Penerbangan (Anggaran RM 4,500-RM6,500) 2. Wang Saku Pelajar
3	Kos lawatan dan aktiviti harian di UK	
4	Kos Program Pembelajaran Bahasa Inggeris	
5	Kos Membasuh Baju (<i>Laundry</i>)	
6	Pengurusan dan Insurans	
7	Kursus Orientasi	
8	Kos Pengangkutan dari/ke Heathrow International Airport	

* *Senarai Syarikat penerbangan yang bakal di gunakan adalah*

1. *Malaysia Airline atau*
2. *Singapore Airline atau*
3. *Emirates Airline atau*
4. *Mana-mana syarikat penerbangan yang dipilih oleh pihak urusetia.*

Kos Bagi Program Europe (Amsterdam-Belgium-Paris / Budapest-Vienna-Prague)

Bil	Termasuk Dalam Pakej Homestay	Tidak Termasuk Dalam Pakej
1	Makan dan Minum sepanjang program (Sarapan Pagi / T. Hari / Malam)	
2	Penginapan	1. Tiket penerbangan (Anggaran RM4,500-RM6,500) 2. Wang Saku Pelajar
3	Kos lawatan	
4	Kos aktiviti harian	
5	Pengangkutan (Bas / keretapi)	
6	Kos Pengangkutan dari/ke Lapangan terbang Antarabangsa	
7	Kursus Orientasi	
8	Pengurusan dan Insuran	
9		

* *Senarai Syarikat penerbangan yang bakal di gunakan adalah*

1. *Malaysia Airline atau*
2. *Singapore Airline atau*
3. *Emirates Airline atau*
4. *Mana-mana syarikat penerbangan yang dipilih oleh pihak urusetia.*

LAMPIRAN 3

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program Homestay di Jepun (Tokyo)

Hari	Pagi	Petang
1		Bertolak dari KLIA ke Narita Airport
2	Tiba di Narita Airport	Majlis penyerahan pelajar kepada keluarga angkat
3	Program homestay bermula	Masa Bersama Keluarga Angkat
4	Lawatan ke sekolah menengah di Jepun	Persembahan Kebudayaan dari Pelajar
5	Lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan pusat kebudayaan Jepun	Masa Bersama Keluarga Angkat
6	Masa Lapang bersama keluarga angkat	Masa Bersama Keluarga Angkat
7	Upacara Penutup Homestay / Penyerahan kembali pelajar Malaysia	Check-In Hotel
8	Bertolak Dari Airport ke KLIA	Tiba Di KLIA

* Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak penganjur homestay dan tiket penerbangan.

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program Homestay di Jepun (Osaka)

Hari	Pagi	Petang
1		Bertolak dari KLIA ke Osaka Airport
2	Tiba di Osaka Airport	Majlis penyerahan pelajar kepada keluarga angkat
3	Program homestay bermula	Masa Bersama Keluarga Angkat
4	Lawatan ke sekolah menengah di Jepun	Persembahan Kebudayaan dari Pelajar
5	Lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan pusat kebudayaan Jepun	Masa Bersama Keluarga Angkat
6	Masa Lapang bersama keluarga angkat	Masa Bersama Keluarga Angkat
7	Upacara Penutup Homestay / Penyerahan kembali pelajar Malaysia	Check In Hotel
8	Bertolak Dari Osaka Airport ke KLIA	Tiba Di KLIA

** Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak penganjur homestay dan tiket penerbangan.*

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program Homestay di Jepun (Nagoya)

Hari	Pagi	Petang
1		Bertolak dari KLIA ke Nagoya Airport
2	Tiba di Nagoya Airport	Majlis penyerahan pelajar kepada keluarga angkat
3	Program homestay bermula	Masa Bersama Keluarga Angkat
4	Lawatan ke sekolah menengah di Jepun	Persembahan Kebudayaan dari Pelajar
5	Lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan pusat kebudayaan Jepun	Masa Bersama Keluarga Angkat
6	Masa Lapang bersama keluarga angkat	Masa Bersama Keluarga Angkat
7	Upacara Penutup Homestay / Penyerahan kembali pelajar Malaysia	Check in Hotel
8	Bertolak Dari Nagoya Airport ke KLIA	Tiba Di KLIA

* Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak pengajur homestay dan tiket penerbangan.

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program Homestay di Korea (Seoul / Busan)

Hari	Pagi	Petang
1		Bertolak dari KLIA ke Incheon/Gimhae Airport
2	Tiba di Incheon/Gimhae Airport	Majlis penyerahan pelajar kepada keluarga angkat
3	Program homestay bermula	Masa Bersama Keluarga Angkat
4	Lawatan ke sekolah menengah di Korea	Persembahan Kebudayaan dari Pelajar
5	Lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan pusat kebudayaan Korea	Masa Bersama Keluarga Angkat
6	Masa Lapang bersama keluarga angkat	Masa Bersama Keluarga Angkat
7	Upacara Penutup Homestay / Penyerahan kembali pelajar Malaysia	Check-In Hotel
8	Bertolak Dari Incheon/Gumhae ke KLIA	Tiba Di KLIA

** Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak pengajur homestay, cuaca dan tiket penerbangan.*

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program Homestay di United Kingdom (London)

Hari	Pagi	Petang
1		Daftar Masuk di KLIA dan Bertolak ke UK
2	Tiba di London dan bertemu keluarga angkat	Bersama keluarga angkat.
3	Pembelajaran Bahasa Inggeris	Lawatan pengenalan Ramsgate
4	Pembelajaran Bahasa Inggeris	Lawatan ke Dover Castle
5	Pembelajaran Bahasa Inggeris	Lawatan ke Westwood
6	Lawatan 1 hari sekitar London	Lawatan 1 hari sekitar London
7	Lawatan ke University Oxford	Lawatan ke University Oxford
8	Pembelajaran Bahasa Inggeris	Lawatan ke Canterbury
9	Majlis Graduasi dan Penyampaian sijil	Aktiviti bebas di Ramsgate
10	Bertolak Pulang ke Malaysia	
11	Tiba di KLIA	

* Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak penganjur homestay dan tiket penerangan.

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program Homestay di Australia (Gold Coast)

Hari	Pagi	Petang
1	Daftar Masuk di KLIA dan Bertolak ke Australia	Tiba di Gold Coast dan daftar masuk ke Hotel
2	Bertolak ke Southport Transit untuk bertemu dengan keluarga angkat masing-masing	Melawat kawasan setempat (Southport)
3	Keluarga angkat akan menghantar pelajar ke Institut Bahasa Antarabangsa Australia	Lawatan ke Paradise Country
4	Keluarga angkat akan menghantar pelajar ke Institut Bahasa Antarabangsa Australia	Lawatan ke Currumbin Wildlife Sanctuary
5	Keluarga angkat akan menghantar pelajar ke Institut Bahasa Antarabangsa Australia	Masa Bersama Keluarga Angkat
6	1 Hari di Dream World Goldcoast	Masa Bersama Keluarga Angkat
7	Keluarga angkat akan menghantar pelajar ke Institut Bahasa Antarabangsa Australia	Majlis Penutup dan Menuju ke Lapangan Terbang
8	Tiba di KLIA	

* Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak penganjur homestay dan tiket penerbangan.

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program di Eropah (Paris, Brussels, Amsterdam)

Hari	Pagi	Petang
1		Bertolak ke Paris daripada Kuala Lumpur
2	Tiba di Paris Lawatan ringkas sekitar Paris	Rehat dan Bermalam di hotel Paris
3	Lawatan ke Universiti (akan di maklumkan kemudian)	Lawatan ke stesen pendidikan Paris (Notredame, Eiffel Tower, Champs-Elysees)
4	Lawatan ke stesen pendidikan Paris (Gare du nord, Auber, Musee du Louvre, Arc de Triomphe)	Lawatan ke stesen pendidikan Paris (Les Invalides, Galleries Lafayette)
5	Bertolak ke Brussels dengan Keretapi	Lawatan ke stesen pendidikan di Brussel (Mont des arts, Sablon, Victor horta)
6	Lawatan ke stesen pendidikan di Brussel (The Cathedral, Royal Palace, Mini Europe)	Lawatan ke stesen pendidikan di Brussel (Reu Neuve)
7	Bertolak ke Amsterdam dengan Keretapi	Tiba di Amsterdam, rehat dan bermalam
8	Lawatan ke Universiti (akan di maklumkan kemudian)	Lawatan sekitar Amsterdam
9	Lawatan ke stesen pendidikan Amsterdam (Madurodam, Rotterdem)	Lawatan ke stesen pendidikan Amsterdam (City walk, House of Parliament, Peace Palace)
10	Bertolak ke Kuala Lumpur daripada Amsterdam	
11	Tiba di Kuala Lumpur	

* Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak penganjur dan tiket penerbangan.

Cadangan Jadual Perjalanan Am Bagi Program di Eropah (Budapest, Vienna, Prague)

Hari	Pagi	Petang
1	Bertolak ke Budapest daripada Kuala Lumpur	Tiba di Budapest dan bermalam
2	Lawatan ke stesen pendidikan Budapest (Fisherman's Bastion, Buda Castle)	Lawatan ke stesen pendidikan Budapest (Opera House, heroes square)
3	Lawatan ke Universiti (akan di maklumkan kemudian)	Lawatan ke stesen pendidikan Budapest (Millenium Monument, Parliament, Royal Palace)
4	Bertolak ke Vienna	Lawatan ke stesen pendidikan Vienna (Istana Schonbrunn, St Charles church, Taman pesta Prater)
5	Lawatan ke Universiti (akan di maklumkan kemudian)	Lawatan ke stesen pendidikan Vienna (The Mark, Opera House, Istana Belvedere)
6	Lawatan ke stesen pendidikan Vienna	Lawatan ke stesen pendidikan Vienna
7	Bertolak ke Prague	Tiba di Prague dan bermalam
8	Lawatan ke Universiti (akan di maklumkan kemudian)	Lawatan ke stesen pendidikan Prague
9	Lawatan ke stesen pendidikan Prague (Wenceslaus square, istana Prague)	Lawatan ke stesen pendidikan Prague (Jambatan Charles, Menara Lesser)
10	Bertolak ke Kuala Lumpur daripada Prague	
11	Tiba Di Kuala Lumpur	

* Tempat dan aturcara program tertakluk kepada pindaan jika terdapat sebarang perubahan di pihak pengajur dan tiket penerbangan.